

# Jonathan, Fatin atlet terbaik Masum

Oleh TAUFIK SALIMIN

ATLET menembak kelahiran Universiti Putra Malaysia (UPM), Jonathan Wong dan pemanah pasukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fatin Nurfatihah Mat Salleh dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2016 pada majlis Anugerah Masum yang berlangsung di Kuching malam kelmarin.

Jonathan menewaskan tiga calon lain termasuk pesaingnya, Zulfadli Zulkifli (badminton) manakala Fatin Nurfatihah tidak menerima tentangan daripada atlet wanita lain.

Kedua-duanya membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai RM3,000.

Bagaimanapun, kedua-dua atlet tersebut tidak dapat hadir kerana menjalani latihan di luar negara sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Sementara itu, pemain hoki Universiti Teknologi Mara (UiTM), Meor Muhamad Azuan Hasan dan pelari pecut UPM, Zaidatul Husniah Zulkifli merangkul anugerah Bintang Harapan Lelaki serta Wanita.

Pengurus pasukan skuad skuasy Malaysia, Mohd. Faris Mahmood pula dinobatkan Pengurus Terbaik manakala pasukan bimbingannya meraih anugerah Pasukan Terbaik selepas melakar kejayaan membanggakan pada kejohanan Skuasy Universiti Dunia lalu.

Jurulatih skuad memanah ke kejohanan Universiti Dunia, Adnan Ahmad dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dinobatkan sebagai Jurulatih Terbaik.

Anugerah Tokoh Sukan pula diberikan kepada Hazally Jali.

Turut menerima penghargaan pada majlis gilang gemilang itu adalah akhbar *Kosmo!* yang meraih anugerah Rakan Sukan Masum.